



# PANDUAN PENGGUNAAN E-PRESS

## 1. PENGENALAN

Sistem e-Press merupakan sistem penyerahan manuskrip oleh pengarang **secara dalam talian**. Sistem ini merupakan inisiatif Penerbit UPM dalam usaha menambah baik proses penerbitan buku. Sistem ini membolehkan pengarang mengisi borang penyerahan manuskrip dan menghantar manuskrip melalui sistem tanpa perlu mengemukakan borang dan manuskrip secara manual seperti sebelum ini. Pembangunan sistem ini mendapat bantuan dan khidmat nasihat daripada pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC). Penempatan server adalah di iDEC.

## 2. OBJEKTIF

Objektif pembangunan sistem e-Press adalah untuk:

- i) memudahkan proses penyerahan manuskrip oleh pengarang secara dalam talian;
- ii) membolehkan pengarang menyemak perkembangan proses terkini manuskrip yang telah dihantar;
- iii) memudahkan komunikasi di antara penerbit dan pengarang secara dalam sistem.
- iv) menyasarkan peningkatan judul dalam pelbagai yang diterima daripada ahli akademik UPM khususnya dan luar UPM amnya

## 3. MANUAL PENGGUNAAN

Sistem e-Press melibatkan dua manual penggunaan iaitu;

- i) Manual daftar dan log masuk (boleh dimuat turun melalui laman sesawang Penerbit <http://www.penerbit.upm.edu.my/>)
- ii) Manual penghantaran dan penggunaan e-Press (boleh dimuat turun melalui laman sesawang Penerbit <http://www.penerbit.upm.edu.my/>)

#### 4. KATEGORI PENGGUNA

Terdapat empat kategori pengguna dalam sistem e-Press. Setiap kategori pengguna ini mempunyai fungsi dan capaian yang berbeza iaitu:

##### i) Pengarang/Penulis

Pengarang boleh mengakses dan mendaftar untuk membuat penyerahan manuskrip. Pengarang juga boleh menyemak status pergerakan manuskrip di dalam sistem.

##### ii) Pegawai Penerbitan

Bertanggungjawab memantau urusan penyerahan manuskrip oleh pengarang, menyemak dan memastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap.

##### iii) Pegawai Teknikal

Bertanggungjawab memastikan sistem dapat digunakan oleh pengguna, menyelenggara dan membuat *back-up* sistem.

##### iv) Penolong Pegawai Penerbitan

Bertanggungjawab mengemas kini setiap pergerakan daftar log masuk.

#### 5. CAPAIAN SISTEM

Sistem e-Press dapat diakses terus menggunakan pelayar di komputer dan telefon pintar melalui alamat berikut:

<http://epress.upm.edu.my>